



**IKLAN JAWATAN KOSONG**  
**KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN**  
**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**  
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-syarat Am**

- a) Pemohon mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- b) Pemohon mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Agama Islam, Adat Istiadat Negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- c) Cara permohonan rujuk di ruang **PEMBERITAHUAN**.

**PERATURAN 38 (a)**

*Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai/tenaga-tenaga akademik tempatan yang sedang berkhidmat di perkhidmatan awam, Negara Brunei Darussalam*

- |                       |  |
|-----------------------|--|
| 1. JAWATAN            | : Penolong Profesor  |
| 2. BAHAGIAN           | : II   |
| 3. TANGGAGAJI         | : PT2 (\$3,880-\$4,960) ATAU PT2A (\$4,480-\$5,610)  |
| 4. KEKOSONGAN JAWATAN | : Empat (4)  |
| 5. BIDANG             | : Bahasa Arab (Linguistik Gunaan), Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Pendidikan Khas, Psikologi dan Syariah |

**6. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN :-**

**BAGI TANGGAGAJI PT2**

- a) i. Sebagai keperluan utama, mestilah mempunyai Ijazah Sarjana Muda (sekurang-kurangnya kelas dua atas) DAN Ijazah Sarjana (peringkat *distinction* sebagai kelebihan) DAN Ijazah Falsafah Kedoktoran (Ph.D) atau yang sebanding dalam bidang yang bersesuaian dari universiti/fakulti university/pusat pengajian universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (selepas ini dipanggil Kerajaan) dan terkemuka sebagai kelebihan.

Bagi yang tidak mempunyai Ijazah Sarjana, keperluan adalah tertakluk kepada tahap Ijazah Sarjana Muda (Kelas Pertama sebagai kelebihan) dari universiti/fakulti universiti/pusat pengajian universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan dan terkemuka sebagai kelebihan di mana calon menjalani kursus Ph.D dan kualiti pencapaian Ijazah Falsafah Kedoktoran (Ph.D).

- ii. Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dan telah ditetapkan dalam jawatan Pensyarah di dalam tanggagaji PTIA selama tidak kurang dari empat (4) tahun;

**ATAU**

Telah berkhidmat dengan Pusat-Pusat Pengajian Tinggi dalam dan luar negeri termasuk bukan Kerajaan yang diiktiraf oleh Kerajaan di dalam jawatan sebanding dengan jawatan Penolong Profesor atau jawatan sebanding dengan petugas ‘substantive’ mengajar dan menyelidik di dalam tempoh sekurang-kurangnya lima (5) tahun.

- iii. Menunjukkan potensi tinggi untuk maju dalam pengajaran, penyelidikan, kebolehan di dalam penulisan akademik dan khidmat masyarakat.

#### **BAGI TANGGAGAJI PT2A**

- b. i. Sebagai keperluan utama, mestilah mempunyai Ijazah Sarjana Muda (sekurang-kurangnya kelas dua atas) DAN Ijazah Sarjana (peringkat *distinction* sebagai kelebihan) DAN Ijazah Falsafah Kedoktoran (Ph.D) atau yang sebanding dalam bidang yang bersesuaian dari universiti/fakulti universiti/pusat pengajian universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan dan terkemuka sebagai kelebihan.

Bagi yang tidak mempunyai Ijazah Sarjana, keperluan adalah tertakluk kepada tahap Ijazah Sarjana Muda (Kelas Pertama sebagai kelebihan) dari universiti/fakulti universiti/pusat pengajian universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan dan terkemuka sebagai kelebihan dimana calon menjalani kursus Ph.D dan kualiti pencapaian Ijazah Falsafah Kedoktoran (Ph.D).

- ii. Memenuhi kriteria-kriteria berikut:

- Mempunyai pengalaman yang cukup lama sebagai tenaga akademik di Pusat-Pusat Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan dan terkemuka sebagai kelebihan dan memegang jawatan yang sebanding dengannya;
- Mempunyai rekod dan reputasi cemerlang dalam pengajaran dan penyelidikan;
- Telah memegang jawatan yang sebanding dengannya bagi tempoh yang bersesuaian;
- TELAH MULA menghasilkan tulisan-tulisan akademik yang diterbitkan di dalam ‘refereed journal’ atau sumbangan bab atau ‘chapter’ di dalam buku-buku akademik atau menghasilkan kertas-kertas akademik bagi seminar/persidangan serantau/antarabangsa atau menerbitkan buku akademik;
- Pernah menyelia tesis Ijazah Sarjana sebagai satu kelebihan;
- Pernah memegang jawatan-jawatan sebagai Ketua Jabatan atau Penolong Ketua Jabatan atau Penolong Dekan atau jawatan yang berkaitan dengan rekod prestasi sekurang-kurangnya sangat baik sebagai kelebihan.

- c) Berumur tidak melebihi 40 tahun adalah satu kelebihan.
- d) Mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi sekurang-kurangnya di tahap yang **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

#### **6. SYARAT-SYARAT LAIN**

Syarat-syarat lain adalah dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

#### **PEMBERITAHUAN**

Permohonan hendaklah menggunakan Borang KUPU SB/P1 boleh didapati dengan melayari laman web: [www.kupu-sb.edu.bn](http://www.kupu-sb.edu.bn).

Bagi pemohon yang berkhidmat dengan Kerajaan, selain memohon melalui online, salinan hardcopy borang permohonan juga hendaklah dihadapkan melalui Ketua Jabatan. Ketua Jabatan dikehendaki menyertakan:-

- **Laporan Sulit** mengenai peribadi dan mutu kerja pemohon;
- **Tahap Penilaian Prestasi** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan;
- Borang Pengesahan Ketua Jabatan;
- **Rekod Penilaian** yang lengkap dan terkini

Borang permohonan yang lengkap berserta dengan salinan sijil-sijil dan dokumen berkenaan hendaklah dikembalikan kepada:

**PENDAFTAR**  
**KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN**  
**KM 2, JALAN RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA,**  
**BANDAR SERI BEGAWAN, BA 2111,**  
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TARIKH TUTUP IKLAN: 25 OGOS 2025**  
**BILANGAN IKLAN: KUPU SB/PJW/6.01/25-1C**

Universiti berhak menolak borang permohonan yang tidak diisi dengan lengkap dan yang tidak menyertakan dokumen-dokumen yang diperlukan.

Hanya pemohon-pemohon yang memenuhi syarat dan disenarai pendek (*shortlisted*) sahaja akan dihubungi untuk sesi temuduga.

*Jika ada sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi di nombor 2236277*